



DOI: [10.51377/azjaf.vol1no2.36](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.36)

## **FAMILY WELL-BEING ACCORDING TO THE MAQASID SHARIAH IN THE CONTEXT OF A PLURAL SOCIETY IN SARAWAK: A PRELIMINARY STUDY**

### **KESEJAHTERAAN KELUARGA MENURUT MAQASID SYARIAH DALAM KONTEKS MASYARAKAT MAJMUK DI SARAWAK: SATU TINJAUAN AWAL**

AWANG NIB ZUHAIRI BIN AWANG AHMAD

Pejabat Agama Islam Bahagian Miri, Sarawak. E-mail: nibz@sarawak.gov.my

HADENAN BIN TOWPEK

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 94300  
Kampus Samarahan, Sarawak. E-mail: hadenan298@uitm.edu.my

ABDUL RAZAK BIN ABDUL KADIR

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA 94300  
Kampus Samarahan, Sarawak. E-mail: abdurak1@uitm.edu.my

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED – 15<sup>TH</sup> SEPT. 2020; REVISED – 22<sup>TH</sup> JAN. 2021; ACCEPTED – 25<sup>TH</sup> JAN. 2021)**

### **ABSTRACT**

Islam is a religion that cares about family well-being. This can be proven through the principles of maqasid shariah which is to preserve of religion, soul, mind offspring and property. These principles are much debated in formulates family well-being policy. This article therefore, is to analyse of the family well-being according to the maqasid shariah in the plural society in Sarawak. This qualitative study will examine the views of Islamic scholars in detail using the methods of content analysis, inductive, deductive and comparative. The article findings indicate the process of building a family well-being policy based on the five principles of maqasid shariah in the context of a plural society in Sarawak can be concluded with nineteen characteristic elements. First basic principle (preserving religion) can be concluded with characteristic elements of aqidah,

faith, fostering harmony, mutual respect and amar ma'aruf nahi munkar. Second basic principle (preserving the soul) can be concluded with characteristic elements of prevention of tyranny either to oneself or others, love and gratitude for gift of life. Third basic principle (preserving the mind) can be concluded with characteristic elements of prevention from things that harm the mind, the sustainability of the mind and relation with the environment. Fourth basic principle (preserving the offspring) can be concluded with characteristic elements of the obligation of marriage, education, relationship with human and relationship with God (worship). Fifth basic principle (preserving the property) can be concluded with characteristic elements of financial management which includes income and expenses, welfare, obligation to pay zakat and do charity work such as alms, donations and waqf. The article findings directly proved that Islam is very concerned with human well-being in general and family well-being in particular for life in this world and the hereafter.

**Keywords:** Family Well-Being; Maqasid Shariah; Plural Society.

### ABSTRAK

Islam merupakan sebuah agama yang memberikan perhatian serius terhadap aspek kesejahteraan keluarga. Hal ini boleh dibuktikan menerusi prinsip yang menjadi tumpuan dalam maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Prinsip-prinsip ini banyak dibahaskan dalam merangka dasar-dasar kesejahteraan keluarga. Justeru artikel ini menganalisis terhadap aspek kesejahteraan keluarga menurut maqasid syariah dalam masyarakat majmuk di Sarawak. Artikel yang bersifat kajian kualitatif ini mengupas pandangan para ilmuan Islam secara terperinci dengan menggunakan metod analisis kandungan, induktif, deduktif serta komparatif. Artikel ini mendapati bahawa pembinaan dasar kesejahteraan keluarga berteraskan lima prinsip maqasid syariah dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak boleh dirumuskan menerusi sembilan belas elemen utama. Teras prinsip pertama (menjaga agama) merumuskan elemen akidah, keimanan, memupuk keharmonian, saling hormat menghormati dan amar makruf nahi mungkar. Teras prinsip kedua

(menjaga nyawa) merumuskan elemen pencegahan kezaliman sama ada kepada diri sendiri atau orang lain, kasih sayang dan bersyukur dengan anugerah kehidupan. Teras prinsip ketiga (menjaga akal) merumuskan elemen pencegahan daripada perkara yang memudaratkan akal, kelestarian akal dan hubungan dengan persekitaran. Teras prinsip keempat (menjaga keturunan) merumuskan elemen kewajipan perkahwinan, pendidikan, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan Tuhan (ibadah). Teras prinsip kelima (menjaga harta) merumuskan elemen pengurusan kewangan yang merangkumi pendapatan dan perbelanjaan, kebajikan, kewajipan menunaikan zakat dan melakukan amal jariah seperti sedekah, derma dan wakaf. Dapatan daripada artikel ini secara langsung membuktikan bahawa Islam amat mementingkan kepada kesejahteraan manusia dalam masyarakat majmuk secara umumnya dan kesejahteraan keluarga secara khususnya untuk kehidupan di dunia serta akhirat.

**Kata Kunci:** Kesejahteraan Keluarga; Maqasid Syariah; Masyarakat Majmuk.

## PENGENALAN

Islam yang menjadi pegangan umat nabi Muhammad SAW amat mementingkan kesejahteraan keluarga yang merupakan satu unit sosial yang membentuk masyarakat majmuk dalam sesebuah negara. Terma kesejahteraan merupakan istilah yang menggambarkan suatu keadaan yang baik. Menurut Laily dan Jariah (2003) kesejahteraan adalah konsep yang meliputi kesejahteraan hidup seseorang di dunia dan akhirat yang boleh diukur secara objektif, subjektif, umum atau kawalan tertentu dan boleh digunakan sebagai kaedah pengukuran tahap kemiskinan. Kesejahteraan juga merupakan suatu matlamat hidup setiap individu dari pelbagai aspek seperti kedudukan ekonomi, status sosial, aliran politik, sosio-psikologi dan fizikal seseorang yang boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor. Manakala perkataan keluarga adalah merujuk kepada kumpulan kecil manusia yang ada pertalian antara satu sama lain serta ada pemimpin dan pengikut, mempunyai tanggungjawab, tugas serta kerja tersendiri, mempunyai hak dan kewajipan masing-masing. Keluarga adalah tempat permulaan untuk belajar bagi sesuatu bangsa mengenal kehidupan. Dari sana mereka

mempelajari sifat-sifat mulia, seperti kesetiaan, rahmat, kasih, sayang dan sebagainya.

Oleh itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mendefinisikan kesejahteraan keluarga sebagai suatu keadaan keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Definisi ini merangkumi pelbagai aspek kepuasan dan keselesaan dari segi kerohanian, ekonomi atau kewangan, mental, psikososial (terutamanya hubungan kekeluargaan yang rapat dan erat), kesihatan, persekitaran sosial, politik dan kelestarian. Kesejahteraan keluarga juga bergantung kepada atau berkait rapat dengan hak, tanggungjawab, rasa hormat dan martabat seseorang dalam sebuah keluarga. (LPPKN, 2010).

Dengan mengambilkira perbincangan di atas Hasan Basri (1996) telah mengembangkan pemahaman bahawa kesejahteraan keluarga turut disebut sebagai keluarga sakinah yang mana kalimah sakinah tersebut menandakan ketenangan dan kedamaian secara khusus, iaitu kedamaian daripada Allah SWT yang berada dalam hati. Secara terminologi, keluarga sakinah adalah keluarga yang tenang dan tenteram, rukun dan damai. Dalam keluarga itu terjalin hubungan mesra dan harmonis diantara semua anggota keluarga dengan penuh kelembutan dan kasih sayang.

Berdasarkan huraian definisi dan pandangan terhadap konsep kesejahteraan keluarga yang telah dibahaskan di atas dapat disimpulkan bahawa kesejahteraan keluarga adalah terbentuk daripada unit terkecil dari masyarakat yang terdiri dari ayah, ibu dan anak-anaknya yang hidup secara harmonis, rukun dan damai, diliputi rasa kasih sayang, tertunai hak zahir dan batin serta wujud dalam keluarga tersebut mawaddah, rahmah serta rasa ketenangan, kedamaian serta mengamalkan ajaran agama sekaligus mempamerkan akhlak mulia.

Seterusnya perkataan maqasid adalah perkataan jamak berasal daripada perkataan Arab daripada kata dasar *qasada* yang bermaksud tuju, menuju jalan yang betul, tidak melampau dan lain-lain. Menurut al-Durani (1987) menyebut bahawa maqasid sebagai nilai-nilai mulia dan agung yang terkandung dalam lafaz-lafaz dan nas-nas yang merupakan sasaran dan matlamat kepada *tasyri'* sama ada berbentuk *juz'i* atau *kulli*. Maqasid syariah menurut Allal al-Fasi (1963) adalah

matlamat, tujuan dan rahsia-rahsia yang ditentukan oleh Allah SWT dalam setiap peraturannya. Oleh itu, maqasid syariah dapat difahami sebagai objektif-objektif yang mahu dicapai oleh syariat Islam untuk kepentingan manusia dalam merencanakan dasar-dasar dan peraturan-peraturan agar kesejahteraan dapat dirasai serta dinikmati oleh semua pihak dalam negara bermasyarakat majmuk.

Dalam hal ini, Abu Bakar Hamzah (1972) memberi gambaran awal apabila disebut perkataan “masyarakat majmuk” ia bermaksud kelompok atau kumpulan manusia. Perkataan masyarakat ini dalam bahasa Inggeris disebut *society*. Selain daripada itu, masyarakat juga dikenali sebagai *nation*. Muhammad Saifudin *et. al* (2010) menukulkan *nation* sebagai “*the people occupying the same country, united under the same government and usually speaking the same language*”. *Nation* juga ditafsirkan sebagai “*sovereign state, a people, race, or tribe, those having the same descent, language, history and a community of people composed of one or more nationalities with its own territory and government.*”

Justeru itu, menurut Rukiah Husin (2004) masyarakat majmuk bolehlah difahami sebagai sekumpulan masyarakat manusia yang hidup dalam satu-satu kawasan tertentu yang terdiri daripada pelbagai bangsa, keturunan, kebudayaan, bahasa dan kepercayaan atau agama. Mereka terikat dengan persamaan tujuan hidup berkelompok.

Oleh itu, kesejahteraan keluarga adalah bermula daripada sebuah perkahwinan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara, Malaysia (JPNM, 2018) jumlah perkahwinan pada tahun 2016 ialah 200,274. Angka ini menurun sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2017 iaitu 190,532. Oleh itu, kadar perkahwinan kasar (*Crude Marriage Rate (CMR)*) mencatatkan penurunan daripada 6.3 peratus pada tahun 2016 kepada 5.9 peratus pada tahun 2017 bagi setiap 1,000 orang penduduk. Manakala bilangan perkahwinan orang Islam yang direkodkan pada 2017 adalah 134,008, penurunan sebanyak 6.1 peratus berbanding 142,712 pada tahun 2016. Kadar perkahwinan kasar (*Crude Marriage Rate (CMR)*) juga mencatatkan penurunan daripada 7.4 pada tahun 2016 kepada 6.8 pada tahun 2017 bagi setiap 1,000 orang penduduk orang Islam. Manakala perkahwinan orang bukan Islam pada tahun 2016 ialah berjumlah 57,562. Namun pada tahun 2017 ia merekodkan penurunan iaitu 1.8 peratus kepada 56,524. Oleh itu, (*Crude Marriage*

*Rate (CMR)* mencatatkan penurunan daripada 4.7 pada tahun 2016 kepada 4.5 pada tahun 2017 bagi setiap 1,000 orang penduduk orang bukan Islam.

Sementara itu bilangan perceraian turut menurun 3.2 peratus daripada 51,642 pada tahun 2016 kepada 49,965 pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, kadar perceraian kasar (*Crude Divorce Rate (CDR)*) kekal pada 1.6 bagi setiap 1,000 orang penduduk. Bilangan perceraian orang Islam yang direkodkan pada 2017 adalah 39,709, penurunan 3.0 peratus berbanding 41,030 pada tahun 2016. (*Crude Divorce Rate (CDR)*) menurun daripada 2.1 kepada 2.0 bagi setiap 1,000 orang Islam.

Manakala perceraian orang bukan Islam juga turut menurun 3.4 peratus daripada 10,612 pada tahun 2016 kepada 10,256 pada tahun 2017. Oleh itu, (*Crude Divorce Rate (CDR)*) bagi orang bukan Islam bertambah baik daripada 0.9 pada tahun 2016 kepada 0.8 pada tahun 2017.

Walaupun secara keseluruhannya perceraian di Malaysia mencatatkan penurunan, berbeza pula dengan kadar perceraian orang Islam di negeri Sarawak. Hal ini dapat digambarkan melalui Jadual 1 di bawah yang memaparkan statistik Nikah, Cerai dan Rujukan bagi tahun 2016 hingga 2018, yang dikeluarkan oleh Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak. Dalam tempoh tiga tahun tersebut, sebanyak 19,367 pasangan berkahwin telah didaftarkan dan dalam tempoh yang sama sebanyak 6,544 pasangan telah bercerai. Berdasarkan jumlah tersebut, kes cerai yang direkodkan adalah sebanyak 2,172 pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017, kes perceraian meningkat sebanyak 78 kes menjadikan keseluruhannya 2,250 kes. Walau bagaimanapun, kes perceraian ini menurun pada tahun 2018 iaitu sebanyak 25 kes menjadikan kes yang didaftarkan adalah sebanyak 2,122 kes.

**Jadual 1:** Statistik Nikah, Cerai dan Ruju' 2016-2018, Bahagian Kemajuan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak

Tahun/Butiran	2016	2017	2018	Jumlah
Nikah	6,210	6,458	6,699	<b>19,367</b>
Cerai	2,172	2,250	2,122	<b>6,544</b>
Ruju'	261	180	171	<b>612</b>

**Sumber:** Jabatan Agama Islam Sarawak, 2019

Secara keseluruhannya, walau pun bilangan pasangan yang berkahwin dilihat lebih ramai berbanding kes perceraian tetapi corak perceraian ini menunjukkan bahawa perceraian tetap berlaku dan ia amat membimbangkan jika diukur dari sudut kesejahteraan sesebuah keluarga. Apabila berlaku perceraian, maka ia melibatkan perasaan suami dan isteri bahkan psikologi anak-anak serta keluarga terdekat juga turut terganggu. Secara tidak langsung akan melibatkan kerajaan untuk menyediakan khidmat sokongan seperti kaunseling, bantuan kewangan disebabkan hilang tempat bergantung dan sebagainya.

Selain itu, ketidaksejahteraan dalam keluarga juga digambarkan melalui kes-kes keganasan rumah tangga. Berdasarkan Utusan Borneo Online bertarikh 15 Oktober 2019 yang memetik laporan statistik yang dikeluarkan oleh Bahagian Seksual dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak, kes keganasan rumah tangga di Sarawak menunjukkan trend meningkat antara tahun 2015 iaitu 279 kes hingga 2017 sebanyak 535 kes. Manakala pada tahun 2018 sebanyak 486 kes dilaporkan. Menurut laporan itu lagi sebanyak 413 kes dilaporkan setakat September 2019. Majoriti mangsa kes berkenaan berumur 26 tahun ke atas atau melibatkan 343 kes manakala baki 70 lagi kes melibatkan wanita berumur 13 hingga 25 tahun.

Corak umur wanita yang terlibat dalam isu keganasan rumah tangga tersebut adalah golongan wanita muda. Keadaan ini tentu sahaja memberikan kesan yang sukar untuk pembangunan kesejahteraan institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Sementara itu, Jadual 2 di bawah, mencatatkan Statistik Pengaduan Rumah Tangga Khidmat Nasihat Keluarga Islam Sarawak untuk tahun 2016 hingga 2019 yang telah merekodkan sebanyak 13,769 aduan. Sepanjang tempoh empat tahun tersebut, trend aduan di seluruh negeri Sarawak ini adalah meningkat dari tahun ke tahun. Misalnya pada tahun 2016 sebanyak 3,242 didaftarkan dan meningkat sebanyak 184 kes pada tahun 2017 daripada 3,426 aduan yang direkodkan. Namun demikian aduan ini menurun pada tahun 2018 sebanyak 14 aduan daripada 3,412 aduan. Walau bagaimana pun pada tahun 2019, aduan kembali meningkat sebanyak 277 aduan daripada 3,689 aduan. Peningkatan aduan ini menggambarkan perpecahan dalam institusi kekeluargaan. Dalam tempoh empat tahun tersebut, bahagian Kuching mencatatkan bilangan aduan yang tertinggi iaitu 6,647 aduan diikuti bahagian Miri 1,570 dan 974 aduan untuk bahagian Samarahan.

**Jadual 2:** Statistik Pengaduan Rumah Tangga Khidmat Nasihat Keluarga Islam Sarawak 2016 – 2019

Bil	Bahagian	Tahun				Jumlah
		2016	2017	2018	2019	
1	Kuching	1655	1620	1601	1771	6647
2	Miri	414	372	373	411	1570
3	Samarahan	273	240	232	229	974
4	Sibu	126	210	284	312	932
5	Mukah (+ Daerah Daro)	205	192	222	203	822
6	Betong	137	318	164	204	823
7	Bintulu	153	185	201	187	726
8	Limbang (+ Daerah Lawas)	108	142	121	153	524
9	Sarikei	89	81	99	82	351
10	Sri Aman	65	57	70	71	263
11	Serian	<i>Belum divujudkan</i>		33	47	80
12	Kapit	17	9	12	19	57
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		3242	3242	3426	3412	3689

**Sumber:** Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Agama Islam Sarawak, 2020



Rumusan awal yang dapat diketengahkan berdasarkan statistik ini ialah krisis dalam rumah tangga akan menyebabkan keharmonian serta kesejahteraan keluarga terganggu. Akibat tidak puas hati terhadap pasangan masing-masing disebabkan pengabaian tanggungjawab dan sebagainya, maka aduan-aduan dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam Sarawak untuk mendapatkan khidmat nasihat atau kaunseling keluarga. Dalam situasi krisis yang tidak dapat diharmonikan di peringkat Jabatan Agama Islam Sarawak dan pasangan tidak dapat berkompromi dalam penyelesaian konflik keluarga antara mereka maka kes-kes tersebut akan dirujuk ke Mahkamah Syariah untuk proses perceraian sebagai satu jalan penyelesaian yang terakhir.

Ini dapat dikesan melalui statistik aduan Kes Khidmat Nasihat Keluarga Islam Sarawak pada bulan April hingga Jun 2020. Sepanjang tempoh tiga bulan ini sebanyak 512 kes aduan didaftarkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 150 kes dirujuk ke Mahkamah Syariah untuk proses permohonan perceraian manakala selebihnya berjumlah 362 kes tidak dirujuk ke Mahkamah Syariah.

Statistik ini menggambarkan bahawa aduan-aduan krisis rumah tangga yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Sarawak akan dilayan dengan menyediakan sesi khidmat nasihat atau kaunseling untuk menyelamatkan daripada berlakunya krisis keluarga berpanjangan serta berakhir dengan perceraian.



**Sumber:** Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Agama Islam Sarawak, 2020

**Rajah 1:** Statistik Kes Khidmat Nasihat Keluarga Islam Sarawak April – Jun 2020

Melalui sesi khidmat nasihat atau kaunseling keluarga yang dijalankan terdapat beberapa punca yang menjadi alasan berlakunya perpecahan dalam institusi kekeluargaan. Punca-punca ini menjadi barah yang mencetuskan krisis kekeluargaan. Berdasarkan data sepanjang tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019 seperti dalam Jadual 3 di bawah, dapatlah dirumuskan bahawa punca berlakunya krisis rumah tangga yang tertinggi adalah disebabkan pengabaian tanggungjawab iaitu 4,870 diikuti dengan pasangan tidak bertanggungjawab sebanyak 4,041 dan kedudukan ketiga adalah dikategorikan punca lain-lain sebanyak 3,480 yang merangkumi kes-kes hadir untuk minta nasihat, pengaruh media sosial, masalah zuriat dan lain-lain. Tempat keempat tertinggi adalah faktor dari kecurangan pasangan sebanyak 3,314. Antara faktor-faktor lain yang menjadi punca berlakunya ketidaksejahteraan dalam keluarga adalah kerana kurang didikan agama, masalah akhlak, sosial, komunikasi, wujudnya pihak ketiga, kerjaya, masalah kewangan, masalah seksual, ketagihan dadah, tidak taat, cemburu, baran, enggan dimadu, poligami, hutang, tiada persefahaman dan kesihatan. Masalah-masalah ini sering menjadi penghalang kepada pembentukan sebuah keluarga yang aman, harmoni dan sejahtera dalam kalangan orang Islam.

**Jadual 3:** Punca Aduan Krisis Rumah Tangga, Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Agama Islam Sarawak

Bil	Punca	Tahun				Jumlah
		2016	2017	2018	2019	
1	Disyaki Curang	640	973	834	867	<b>3,314</b>
2	Tidak Taat	291	393	466	367	<b>1,517</b>
3	Tidak Bertanggungjawab	528	1,227	1,088	1,171	<b>4,041</b>
4	Suami/Isteri Tinggalkan Rumah	355	676	708	716	<b>2,455</b>
5	Suami/Isteri Cemburu	220	425	494	546	<b>1,685</b>
6	Keluar Rumah Tanpa Izin	203	294	293	295	<b>1,085</b>
7	Abai Nafkah	905	1,318	1,344	1,303	<b>4,870</b>
8	Campur Tangan	191	348	362	365	<b>1,266</b>

	Keluarga					
9	Bengis/Mendera	300	539	687	644	<b>2,170</b>
10	Masalah Seksual	101	227	184	154	<b>666</b>
11	Enggan dimadu	66	65	65	24	<b>220</b>
12	Ingin Poligami	106	122	81	99	<b>408</b>
13	Masalah Hutang	395	363	375	410	<b>1,543</b>
14	Masalah Penagihan (Dadah/Judi/Arak}	227	392	413	856	<b>1,888</b>
15	Masalah Agama	231	377	412	352	<b>1,372</b>
16	Tiada Persefahaman	<i>Belum dimujudkan</i>			303	<b>303</b>
17	Lain-Lain	903	902	993	682	<b>3,480</b>

**Sumber:** Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Agama Islam Sarawak, 2019

Dalam konteks masyarakat majmuk yang terdiri daripada penganut bukan Islam, mereka juga berhadapan dengan cabaran serta masalah-masalah keluarga yang menjadi punca keruntuhan rumah tangga. Misalnya, menurut Datuk Seri Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak menyatakan bahawa daripada 6,901 kes perceraian dalam kalangan pasangan bukan Islam yang dicatatkan sepanjang tahun 2018, sebanyak 2,971 kes berpunca daripada masalah kewangan yang merupakan penyebab utama kes perceraian di negara ini. Antara sebab lain berlakunya perceraian ialah kekurangan persefahaman, kerjaya, curang, tidak bertanggungjawab dan penglibatan dalam undang-undang. (SarawakVoice 12 Ogos 2019)

Daripada penjelasan di atas dapatlah dirumuskan bahawa situasi tidak sejahtera dalam keluarga boleh melanda setiap lapisan masyarakat dan bangsa. Kesan ketidaksejahteraan keluarga dapat dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Antara kesan yang ketara ialah gejala sosial, keruntuhan institusi keluarga, keganasan rumah tangga, buang bayi, penagihan dadah dan sebagainya.

### **TINJAUAN LITERATUR**

Tinjauan literatur menurut Rudner dan Schafer (1999) merupakan satu bentuk penulisan yang bertujuan untuk menunjukkan bagaimana

seseorang penulis membina pengetahuan sedia ada terhadap topik kajian. Justeru itu, bagi mengenalpasti elemen-elemen kesejahteraan keluarga menurut maqasid syariah dalam masyarakat majmuk, analisis kandungan telah dijalankan terhadap kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lalu.

Kewujudan keluarga adalah bermula dengan pewujudan Adam a.s dan Hawa. Sebagai unit terkecil dalam masyarakat ia telah bertahan dan mampu berkembang seiring dengan keperluan masyarakatnya. Hak dan kewajiban individu dalam keluarga yang unik serta berkait dengan pengembangan budaya menjadikan keluarga sebagai subjek analisis yang tiada penghujungnya. Oleh itu, Mujibburrahman Salim (2020) dalam artikelnya bertajuk “Konsep Dan Implementasi Keluarga Ideal Dalam Perspektif Maqasid Syariah Ibn Asyur” telah membuat kesimpulan bahawa keluarga merupakan dasar peradaban manusia dan faktor keteraturan polarisasi masyarakat. Justeru, artikel tersebut telah mngungkapkan pandangan Ibn Asyur tentang penerapan maqasid syariah dalam keluarga yang mengatur penyaluran hasrat seksual karena di dalamnya terdapat kesan buruk dan merosak jika tidak diatur berpandukan syariah. Sementara itu, perwalian dalam pernikahan merupakan bentuk dari perlindungan terhadap kedua belah pihak. Pernikahan secara umum bertujuan untuk mencapai dua tujuan utama iaitu kepedulian dan saling menghormati. Perhatian besar syariah tentang perlindungan nasab adalah untuk mencegah semua sebab perselisihan dalam keluarga dan masyarakat.

Seterusnya perbahasan Setiyawan Gunardi et. al (2019) dalam artikel yang berkaitan dengan konsep harmoni dalam masyarakat muslim dan bukan muslim berasaskan maqasid syariah telah merumuskan bahawa konsep harmoni dan maqasid syariah amat dinamik menjadi panduan dalam mengatur kehidupan bermasyarakat serta menjelaskan maqasid syariah dan peranannya dalam mewujudkan suasana masyarakat yang aman dan bersatu. Kajian ini mendapati bahawa konsep harmoni dijadikan sebagai panduan secara bersyarat dalam bermuamalah antara sesama manusia melalui pendekatan maqasid syariah. Kajian ini telah mengetengahkan betapa orang Islam dan orang bukan Islam akan mendapat manfaat untuk

menjalani kehidupan secara menyeluruh demi mewujudkan keamanan dan keharmonian bersama.

Manakala penulisan Nur Zahidah dan Raihanah (2011) telah mengkhususkan perbincangan berkaitan model keluarga bahagia menurut Islam. Kajian ini telah mengambil pendekatan analisis kepustakaan yang mengetengahkan pandangan sarjana-sarjana Islam dalam bidang kekeluargaan mendapati terdapat dua faktor asas untuk membangunkan keluarga bahagia iaitu iman dan amal. Elemen iman termasuklah akidah dan ilmu manakala elemen amal melibatkan niat, akhlak, sosial, amanah, keselamatan fizikal dan ekonomi. Menerusi gabungan kesemua elemen-emelen ini, akan tercetuslah situasi keluarga dengan penuh sakinah (ketenangan), mawaddah (cinta) dan rahmah (kasih sayang). Kajian turut menyimpulkan keluarga bahagia adalah satu keluarga yang dapat merasa senang terhadap satu sama lain dan terhadap hidup sendiri serta mempunyai objektif pembinaan keluarga yang jelas dan positif.

Selain itu, kesejahteraan juga turut dikaji dalam aspek akidah yang menjadi tunjang kepada kesejahteraan sesebuah keluarga. Tulisan al-Ashqar (2004) telah merumuskan bahawa akidah merupakan sesuatu perkara yang dibenarkan dalam jiwa, dengannya hati menjadi tenang dan yakin tanpa ada keraguan atau syak. Dalam erti kata lain, akidah adalah keyakinan dan kepercayaan yang erat, kukuh, teguh dan unggul di dalam jiwa. Dengan keyakinan yang utuh, seseorang itu akan mempunyai pendirian yang teguh serta tegas, tidak terurai dan berubah dalam semua situasi. Ia merupakan kekuatan maknawi yang kukuh dan teguh, antara manusia, dengan hakikat yang teragung iaitu Allah SWT.

Kajian Noraini et. al (2012) pula telah menjalankan pembinaan indikator terhadap kesejahteraan keluarga yang mendapati terdapat sepuluh indikator untuk mencapai keluarga sejahtera iaitu daya tahan, keselamatan, simpanan, gaya hidup yang sihat, masa dengan keluarga, keseimbangan antara kerja dan keluarga, kepentingan agama, bilangan bilik tidur di rumah, hutang serta penjagaan kanak-kanak. Indikator ini dibahagikan kepada lima domain yang utama iaitu hubungan kekeluargaan, keadaan ekonomi, kesihatan dan keselamatan, hubungan komuniti serta peranan agama dan kerohanian.

Menerusi artikel konsep kesejahteraan keluarga menurut hadis al-sa'adah, Wan Mohd Yusuf Wan Chik et. al (2018) merincikan kesejahteraan dalam keluarga menurut hadis al-sa'adah. Kajian beliau mendapati bahawa terdapat empat aspek utama yang menjadi penyumbang ke arah kesejahteraan iaitu wanita solehah, rumah yang lapang, tanggungan yang baik dan jiran yang baik. Kegagalan memahami konsep asas dalam kesejahteraan keluarga ini boleh menimbulkan implikasi yang negatif seperti permusuhan, pergaduhan, kebencian dan seterusnya membawa kepada perceraian.

Selain itu, penulisan Al-Attas (1995) pula telah merumuskan al-sa'adah pada manusia adalah kemuncak kesejahteraan terakhir iaitu dengan cara menyerahkan diri secara sukarela kepada Islam dengan beriman kepada Allah SWT dan mentaati segala perintah dan laranganNya. Beliau melihat kesejahteraan serta kebahagiaan mempunyai pertalian dengan dua dimensi kewujudan iaitu kewujudan di dunia (duniawiyah) dan di akhirat (ukhrawiyah).

Kesejahteraan institusi keluarga merupakan elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara. Justeru, Nabilah Huda Zaim et. al (2019) dalam kajiannya telah meneroka untuk mengenalpasti sejauh mana kedudukan kesejahteraan keluarga di Malaysia dan termasuklah dalam aspek keselamatan keluarga. Kajian menfokuskan perbincangan berbentuk sorotan mengenai permasalahan yang berlaku dalam kalangan keluarga di Malaysia di samping mengenalpasti elemen kesejahteraan dalam pembentukan sesebuah keluarga. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lalu. Kajian mendapati Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 menunjukkan kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah masih pada tahap yang sederhana iaitu pada skor 7.33 malah mencatatkan penurunan berbanding indeks pada tahun 2011 dengan catatan skor 7.55. Di samping itu, kajian turut mendapati pendidikan anak-anak, keseimbangan dalam keluarga, komunikasi keluarga, peranan dan tanggungjawab ibu bapa serta akidah dan akhlak merupakan antara

elemen penting yang perlu ada bagi memastikan sesebuah keluarga selamat dan sejahtera.

Muhammad Farhan Hari Hudiawan (2020) dalam tulisan bertajuk “Kesejahteraan Masyarakat dalam Tinjauan Maqasid Syariah” telah menganalisis kesejahteraan masyarakat Desa Pujon Kidul Kabupaten Malang ditinjau dari perspektif maqasid syariah. Metod kajian yang digunakan adalah kualitatif dan data yang digunakan adalah data primer yang diperoleh dari hasil wawancara yang dilakukan bersama masyarakat Desa Pujon Kidul. Penelitian beliau yang meliputi agama, jiwa, akal, keturunan dan harta ini telah menunjukkan bahawa menjaga agama menjadi prioriti utama yang perlu dilakukan terhadap masyarakat desa dengan memperkuat pemahaman agama bagi mencapai kesejahteraan. Penjagaan jiwa iaitu menjaga keberlangsungan hidup keluarga, dipenuhi gaya hidup sihat yang didukung oleh fasiliti kesihatan dan kegiatan kerohanian. Penjagaan akal dilakukan dengan mengikuti program latihan teknologi, mendengar ceramah, mengikuti pengajian dan pengembangan intelektual melalui pendidikan. Menjaga keturunan yang dilakukan masyarakat dengan melibatkan generasi muda mengikuti latihan dan ikut serta pada program kerja yang bekerjasama dengan pihak-pihak yang relevan untuk pengembangan kehidupan. Manakala menjaga harta dilakukan dengan kepemilikan faktor produksi seperti tanah, keikutsertaan dalam latihan pengembangan hasil produksi dan peluang kerja agar terciptanya punca pendapatan untuk masyarakat.

Artikel Hamdani (2020) bertajuk “Negara Sejahtera Dalam Perspektif Maqasid Syariah” telah menimbulkan persoalan kemiskinan dan ketidakadilan ekonomi menjadi masalah setiap negara di dunia termasuk negara Indonesia yang menjadi fokus kajian beliau. Beliau merumuskan keperluan untuk mewujudkan langkah konkrit dan berterusan dalam mensejahterakan rakyat. Pembentukan sebuah negara sejahtera perlu melibatkan tiga pemegang taruh (stakeholder) yang saling bekerjasama dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Pertama, kebijakan pemerintah dalam jaminan sosial. Kedua, penglibatan swasta dalam pertumbuhan ekonomi industri dan ketiga, penglibatan organisasi sukarela yang bertujuan membantu masyarakat dalam pembinaan sektor ekonomi. Justeru, beliau

mengambil pandangan As-Syatibi iaitu tokoh ekonomi Islam yang popular dengan maqasid syariah menjelaskan bahawa untuk mencapai negara sejahtera diperlukan lima aspek dalam kehidupan manusia. Aspek tersebut adalah memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Lima elemen tersebut harus dimiliki oleh setiap warga negara jika ingin disebut merdeka dan sejahtera secara ekonomi syariah.

Selain itu, Syamsuri et. al (2019) dalam artikel bertajuk “Negara Kesejahteraan dan Maqasid Syariah: Analisis Pemikiran Jamaluddin Athiyyah” telah membincangkan perihal negara kesejahteraan. Tujuan artikel tersebut adalah untuk melakukan analisis mendalam berkaitan dengan konsep negara kesejahteraan dan relevansinya dengan maqasid syariah menurut Jamaluddin Athiyyah. Kajian yang menggunakan metod kualitatif dengan pendekatan pustaka ini telah merumuskan bahawa Athiyyah memberikan gambaran tentang pembagian tugas pemerintah dalam menjamin kesejahteraan rakyatnya ke dalam empat dimensi iaitu dimensi individu, keluarga, masyarakat dan kemanusiaan. Artikel ini menekankan bahawa tiga prinsip dasar maqasid syariah untuk menciptakan kesejahteraan tidak boleh dipenuhi melainkan dengan peranan aktif negara. Penjelasan dalam dua artikel ini walaupun menyentuh perihal kesejahteraan negara namun ia ada hubungkaitnya dengan keluarga. Keluarga adalah institusi yang membentuk masyarakat dan negara. Ia saling mengikat antara satu sama lain.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian adalah kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis data. Kajian ini adalah satu kajian kualitatif. Kualitatif disebut sebagai paradigma interaktif dan konstruktif yang memandang realiti sosial sebagai sesuatu yang holistik dan utuh, kompleks, dinamis, penuh makna dan hubungan gejala bersifat interaktif (Sugiyono, 2011). Bagi mengumpul data pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kepustakaan. Manakala untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan, induktif, deduktif dan komparatif terhadap kajian-kajian lepas serta artikel-artikel ilmiah berkaitan yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu.



## HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Hasil Dapatan

Hasil dapatan kajian ini telah menggambarkan bahawa penglibatan secara aktif pemerintah adalah satu keperluan yang utama untuk menggerakkan lima prinsip utama maqasid syariah. Lima prinsip ini merupakan prinsip teras untuk membentuk kesejahteraan keluarga dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk. Daripada lima prinsip maqasid syariah ini dibahagikan kepada sembilan belas elemen yang perlu diambil berat untuk memastikan tercapainya kesejahteraan keluarga dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk. Elemen-elemen tersebut ialah melalui prinsip menjaga agama terdapat elemen aqidah, keimanan, memupuk keharmonian, saling hormat menghormati dan amar makruf nahi mungkar. Manakala prinsip menjaga nyawa terdapat elemen pencegahan kezaliman sama ada kepada diri sendiri atau orang lain, kasih sayang, dan bersyukur dengan anugerah kehidupan. Dalam prinsip menjaga keturunan terdapat elemen kewajipan perkahwinan, pendidikan, hubungan dengan manusia dan hubungan dengan Tuhan (ibadah). Seterusnya melalui prinsip menjaga akal terdapat elemen pencegahan dari perkara yang memudaratkan akal, kelestarian akal dan hubungan dengan persekitaran. Prinsip menjaga harta menzahirkan elemen pengurusan kewangan yang merangkumi pendapatan dan perbelanjaan, kebajikan, kewajipan menunaikan zakat dan melakukan amal jariah seperti sedekah, derma dan wakaf. Penjelasan ini dapat digambarkan melalui Jadual 4 di bawah:

**Jadual 4:** Elemen-Elemen Kesejahteraan Keluarga Dalam Masyarakat Majmuk

Prinsip Maqasid Syariah	Bilangan Elemen	Elemen Kesejahteraan
Menjaga Agama	5	Aqidah, Keimanan, Memupuk keharmonian, Saling hormat menghormati, Amar makruf nahi mungkar.
Menjaga Nyawa	3	Pencegahan kezaliman sama ada kepada diri sendiri atau orang lain,

		Kasih sayang, Bersyukur dengan anugerah kehidupan.
Menjaga Akal	3	Pencegahan dari perkara yang memudaratkan akal, Kelestarian akal, Hubungan dengan persekitaran.
Menjaga Keturunan	4	Kewajipan perkahwinan, Pendidikan, Hubungan dengan manusia dan Hubungan dengan Tuhan (Ibadah).
Menjaga Harta	4	Pengurusan kewangan yang merangkumi pendapatan dan perbelanjaan, Kebajikan, Kewajipan menunaikan zakat, Melakukan amal jariah seperti sedekah, derma dan wakaf.

### PERBINCANGAN

Menurut Hawari (1996) keluarga yang lemah komitmen atau tiada komitmen langsung terhadap agama mempunyai risiko empat kali ganda untuk tidak berbahagia dalam keluarganya. Bahkan berakhir dengan perceraian, perpisahan, tidak ada kesetiaan, kecanduan alkohol dan sebagainya.

Oleh itu, setiap individu perlu berpegang teguh terhadap akidah yang benar untuk memperoleh kesejahteraan dalam keluarga. Hal ini adalah kerana akidah merupakan tunjang dalam pembentukan keluarga yang sejahtera. Menurut sarjana Islam, akidah merupakan sesuatu perkara yang dibenarkan dalam jiwa, dengannya hati menjadi tenang dan yakin tanpa ada keraguan atau syak (al-Ashqar 2004). Dalam erti kata lain akidah adalah keyakinan dan kepercayaan yang erat, kukuh, teguh dan unggul di dalam jiwa. Dengan keyakinan yang utuh, seseorang itu akan mempunyai pegangan dan pendirian yang tegas, tidak terurai dan berubah dalam semua keadaan, ketika dan tempat. Ia merupakan kekuatan maknawi yang kukuh dan teguh antara manusia dengan hakikat yang teragung iaitu Allah SWT. Tiada pemisah antara manusia denganNya (Mustafa 1996). Pengukuhan akidah yang sejahtera merupakan hak terpenting yang perlu diberikan

kepada setiap individu dalam sesebuah keluarga. Analisis terhadap sejarah Rasulullah SAW membuktikan akidah merupakan intipati pertama dan utama dalam pembentukan jiwa seorang muslim. Penerapan dalam mengenali dan mengimani Allah SWT sebagai Tuhan yang sebenar-benarnya, meyakini berlakunya hari akhirat, beriltizam dengan akhlak yang baik bagi menyucikan jiwa serta mengambil iktibar daripada kisah-kisah umat terdahulu berdasarkan wahyu yang diturunkan ketika itu merupakan asas pendidikan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada keluarga dan para sahabatnya (al-Ghazali 1998). Al-Ghazali menambah dengan menyifatkan kebahagiaan dan ketenangan dapat dicapai melalui penghayatan terhadap Islam melalui keimanan dan ketaqwaan, kefahaman akidah serta pemantapan ilmu. Dalam masa yang sama, beliau turut menggesa untuk mengamalkan konsep kesederhanaan kerana kebahagiaan yang berlandaskan nafsu semata-mata merupakan kebahagiaan yang sementara, hina dan boleh membawa kepada kehancuran (Al-Ghazali 2007).

Oleh itu, Norsaleha et. al (2018) menyarankan tentang keperluan garis panduan yang diperkayakan dengan elemen pendidikan Islam dan tauhid bagi membantu masyarakat agar sihat dan sejahtera dalam sesebuah keluarga yang harmoni. Usaha ini juga dilihat sebagai memenuhi pemeliharaan maqasid syariah serta tuntutan Islam itu sendiri di dalam sesebuah keluarga. Malah, model kesejahteraan keluarga yang bersandarkan maqasid syariah sebagai kerangkanya merupakan suatu konsep yang perlu dipraktikkan agar kehidupan masyarakat lebih terpandu berdasarkan kefahaman terhadap matlamat sebenar pensyariaan di dalam agama. Lantaran itu, Fariq al-Faruqie (2016) merumuskan bahawa kesejahteraan keluarga adalah yang dibentuk berdasarkan perkahwinan yang sah, mampu memenuhi keperluan hidup spiritual dan material yang layak, bertakwa kepada Allah SWT, memiliki hubungan serasi, selaras dan seimbang antara anggota keluarga dengan masyarakat serta lingkungannya. Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa prinsip menjaga agama bukan sekadar memelihara agama dari ancaman musuhnya namun ia merangkumi kefahaman yang tinggi terhadap tuntutan syariat serta kerelaan untuk melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang individu, keluarga dan

masyarakat. Melalui kefahaman yang jitu itulah akan menzahirkan suatu tindakan serta tingkahlaku yang menepati kehendak syariat seperti keimanan yang murni, dapat memupuk keharmonian, saling hormat menghormati dan melaksanakan tuntutan amar makruf nahi mungkar bagi membina kesejahteraan keluarga.

Selain itu, penjagaan nyawa juga merupakan satu prinsip penting dalam proses membina kerangka kesejahteraan keluarga. Kepentingan menjaga nyawa berada pada kedudukan yang kedua selepas agama. Islam mengharamkan apa sahaja bentuk penganiayaan terhadap nyawa dalam apa-apa bentuk sekalipun. Contohnya seperti membunuh diri dan orang lain, mencederakan diri sendiri dan orang lain, mengambil sesuatu yang boleh membahayakan nyawa seperti dadah, rokok dan sebagainya. Oleh itu, Islam menyuruh umatnya makan dan minum dari sumber yang halal dan baik. Syariat juga mengenakan hukuman qisas, diyat atau kaffarah ke atas sesuatu kes pembunuhan. Ini menunjukkan Islam memandang tinggi keperluan untuk menjaga nyawa dalam kehidupan berkeluarga untuk mencegah mana-mana pihak melakukan pencerobohan serta kezaliman terhadap diri sendiri, anggota keluarga dan orang lain. Justeru itu, sekiranya setiap individu berusaha untuk menegakkan prinsip penjagaan nyawa dari pelbagai aspek kehidupan dengan menekankan elemen-elemen seperti pencegahan kezaliman sama ada kepada diri sendiri atau orang lain, kasih sayang, bersyukur dengan anugerah kehidupan maka suasana yang harmoni serta sejahtera akan wujud selari dengan kehendak maqasid syariah. Selain itu kesejahteraan keluarga dalam masyarakat majmuk akan turut terjamin keselamatannya.

Prinsip menjaga akal juga dititikberatkan oleh agama Islam. Ia menjadi prinsip penting dalam maqasid syariah kerana akal merupakan nikmat Allah SWT yang amat berharga kepada manusia. Oleh itu, pemeliharaan akal adalah sangat penting agar sentiasa waras, sihat dan sempurna. Sehubungan dengan itu, Islam menegah penganutnya mengambil sesuatu yang boleh membawa kerosakan kepada akal seperti arak, dadah dan perkara yang memabukkan. Pengharaman arak dan dadah menunjukkan ketegasan Islam dalam memelihara akal manusia. Bagi mengelakkan individu dalam sesebuah keluarga terjebak dengan gejala negatif ini maka hukuman hudud dikenakan kepada peminum arak dengan disebat antara 40 hingga 80

kali. Manifestasi daripada akal yang sihat adalah satu tingkah laku yang positif dan berakhlak mulia. Ini kerana akal merupakan sumber hikmah, hidayah, kebahagiaan serta kesejahteraan kepada manusia di dunia dan akhirat. Akal yang waras akan mendorong manusia untuk berfikir dan mentaati setiap perintah Allah SWT. Kewarasan dan kebijakan akal seseorang muslim juga sangat penting bagi memastikan syariat Allah SWT tertegak atas muka bumi. Ini jelas menunjukkan bahawa akal dan syariat saling berhubung. Maka atas dasar ini setiap umat Islam disuruh untuk menjaga akal serta mencegah segala bentuk penganiayaan terhadapnya. Apabila akal terjaga dengan baik sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam, maka kemaslahatan manusia akan tercapai dan kemungkaran serta perbuatan keji dapat dicegah. (Wan Muhammad Naif, 2017). Penjelasan ini membuktikan bahawa elemen pencegahan dari perkara yang memudaratkan akal, melestarikan akal dengan ilmu pengetahuan dan menghubungkannya dengan persekitaran akan melahirkan sebuah keluarga yang sejahtera dan memiliki kebijaksanaan dalam kehidupan. Kewarasan dan kebijaksanaan akal yang dimiliki setiap individu ini akan menatijahkan kesejahteraan keluarga dalam masyarakat majmuk dan negara.

Kesejahteraan keluarga juga turut disumbangkan melalui penjagaan keturunan dengan pensyariatan perkahwinan. Perkahwinan secara sah mengikut ketentuan syarak merupakan satu ketetapan yang diwajibkan ke atas umat manusia sebagai salah satu cara untuk memelihara maruah dan keturunan. Ini kerana, melalui perkahwinan akan dapat mengelakkan berlakunya seks bebas, pergaulan bebas, kecurangan, perzinaan dan kelahiran anak luar nikah. Perkahwinan akan melahirkan zuriat yang akan mempunyai susur galur keturunan yang betul dan sah sekaligus dapat memelihara maruah dan keturunan mereka. Bagi menyokong prinsip menjaga keturunan agar berhasil membentuk kesejahteraan keluarga maka kewajipan perkahwinan perlulah dicerakinkan oleh setiap individu dalam masyarakat majmuk bagi mengelak pengabaian terhadap tanggungjawab serta perlakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai moral serta akhlak. Pendedahan terhadap kepentingan pendidikan dalam keluarga dan masyarakat juga wajar menjadi agenda keutamaan setiap anggota masyarakat di samping sentiasa memperkukuhkan hubungan dengan manusia dan hubungan dengan Tuhan.

Seterusnya prinsip menjaga harta dalam maqasid syariah juga menjadi tonggak kesejahteraan keluarga. Harta merupakan antara keperluan hidup manusia di atas muka bumi ini. Islam sendiri mengiktiraf pemilikan harta oleh individu kerana harta merupakan wasilah bagi umat Islam mencapai keredhaan Allah SWT. Oleh sebab itu, Islam telah mewajibkan manusia mencari rezeki yang halal dan mengharamkan mengambil harta orang lain secara batil. Pensyariatan muamalat sesama manusia seperti berjual beli, sewa menyewa, perkongsian untung rugi, gadaian, pinjaman dan sebagainya adalah antara cara untuk memperoleh harta. Sehubungan dengan itu, Islam mengharamkan mencuri, merompak, rasuah, mengambil riba, menipu dalam timbangan dan sebagainya bagi memelihara pemilikan harta oleh individu. Pelaku akan dikenakan hukuman yang setimpal mengikut kesalahan yang dilakukan. Dengan harta juga tanggungjawab untuk memberi nafkah kepada keluarga, pengeluaran zakat dan wakaf, berderma serta bersedekah akan dapat ditunaikan sebaiknya. Pengurusan harta yang baik akan memastikan tiada berlakunya pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat, negara dan lebih-lebih lagi tanggungjawab terhadap Allah SWT.

### KESIMPULAN

Daripada penjelasan ini dapatlah dirumuskan bahawa lima prinsip maqasid syariah tersebut merupakan indikator utama dalam memastikan kesejahteraan keluarga dapat dibentuk dan dicapai dalam masyarakat majmuk. Prinsip ini tidak membataskan hanya kepada golongan umat Islam tetapi meliputi semua lapisan masyarakat.

### RUJUKAN

- Abe Sohpien Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin & Anwar Fakhri Omar (2014), Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010, *Islammiyyat* 36(1), UKM, Jun 2014
- Abd al-Wahab Khallaf (1968), *Ilmu Ushul Al-Fiqh*, Cairo: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyah.
- Abd al-Rahmān Tāj, *Al-Siyāsah Al-Syar'iyah Wa Al-Fiqh Al-Islāmī*, Kaherah: al-Azhār.

- Abu Ishak Ibrahim bin Musa al-Syatibi (t.t), *al-Muwafaqat Fi Usuli al-Syariah*, Beirut, Jld. 2.
- Ahmad Imam Mawardi (2010), *Fiqh Minoritas fiqh al-Aqlliyat dan Evolusi Maqashid al-Syari'ah dari Konsep Kependekatan*, Yogyakarta.
- Ahmad Sainul (2018) *Konsep Keluarga Harmonis Dalam Islam*, Jurnal al-Maqasid Volume 4 Nomor 1 Edisi Januari – Jun 2018
- Allal al-Fasi (1963), *Maqashid al-Shariah al-Islamiyyah wa Makarimuba*, Rabat.
- Al-Ghazali (t.t), *Al-Mustashfa min Ilm al-Ushul*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Asafri Jaya Bakri (1996), *Konsep Maqashid al-syari'ah* menurut al-Syatibi, Jakarta: PT Raja Grafindo
- Fathi al-Durani (1987), *Khasa'is al-Tasyri' al-Islami fi al-Siyasah wa al-Hukm*, Beirut.
- Fathurrahman Djamil (1999), *Filsafat Hukum Islam*, Jakarta, Logos.
- <http://en.wikipedia.org/wiki/Nation> dan al - Quran Surah al-Maidah ayat 72 dan Surah al-A'raf ayat 27 dalam Muhammad Saifudin *et. al.* (2010)
- Jalaluddin al-Sayuti (1998), *Al-Asbab Wa Al-Naz'ir*, Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Yusuf Marlon bin Abdullah (1999), *Tips dan Panduan Penulisan Proposal Penyelidikan, Jabatan Dakwah dan Pengurusan*, Akademi Islam KUIS, Selangor
- Mujibburrahman Salim (2020) *Konsep Dan Implementasi Keluarga Ideal Dalam Perspektif Maqāṣid Syari'ah Ibn 'Asyur*, *Supremasi Hukum* Vol. 9, No.1 Jun 2020
- Nabilah Huda Zaim & Norsaleha Mohd Salleh (2019) *Kesejahteraan Keluarga Di Malaysia: Suatu Sorotan Awal*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah
- Syamsuri & Dadang Irsyamuiddin (2019), *Negara Kesejahteraan dan Maqasid Syariah: Analisis Pemikiran Jamaluddin Athiyyah*, Jurnal Ekonomi Syariah, Vol. 4, No.1, Februari 2019
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995), *Haqiqat al-Sa'adah wa Ma'naha fi al-Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Wahbah al-Zuhaili (1986), *Ushul al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Dar al-Fikr.